

如果这考卷对您有帮助, 请考虑提供您所拥有的考卷, 让其他人也受惠
您可电邮至 30commy@gmail.com 或 PM 我们的 Facebook 专页: fb.com/sjkcmly

PKSR 1 2016 TAHUN 4

PEMAHAMAN BAHASA MALAYSIA

(Masa: 1 Jam 15 Minit)

BAHAGIAN A [20 MARKAH]

Soalan 1 hingga 13

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. "Ampun _____, patik akan menurut perintah," kata Hang Tuah kepada Sultan Mansur Syah.
A. beta
B. tuanku
C. patik
D. baginda
2. Chin Seng suka membaca dan menonton televisyen pada waktu lapang. _____ dia juga bermain bola sepak dan menutip setem.
A. Selain itu
B. Akhir sekali
C. Sementara
D. Seterusnya
3. Mereka suka makan buah mangga yang _____ rasanya.
A. manis
B. tawar
C. Masin
D. pahit
4. Warga sekolah SK Raja Muda mengadakan aktiviti mengemaskan dan _____ sekolah pada hari Sabtu yang lepas.
A. mengotorkan
B. membersihkan
C. menguatkan
D. meletakkan
5. Aiman menyimpan wangnya di _____.
A. sekolah
B. pasar raya
C. bank
D. pejabat
6. Aiman _____ Hykal akan menyertai pertandingan bercerita esok.
A. kerana
B. sambil
C. untuk
D. dan

此考卷版权为该学校所有, 我们仅重新排版, 游览 30.com.my 以下载更多历年考卷
加入 FB 群 facebook.com/groups/sjkcmly/ 或专页 facebook.com/sjkcmly 以获取最新消息

7. Chong Ham membantu orang buta itu melintas jalan dengan _____ tangannya.
- A. menarik
B. memandu
C. memimpin
D. mengheret
8. Ulang tahun perkahwinan Encik Rhyes pada kali _____ jatuh pada hari Sabtu.
- A. sana
B. sini
C. ini
D. situ
9. "Lelaki yang datang tadi itu _____?" tanya Ahmad kepada Ah Meng.
- A. siapa
B. apa
C. bila
D. mana
10. _____ membuat bising di dalam perpustakaan.
- A. Jangan
B. Harap
C. Sila
D. Jemput
11. "Saya akan _____ maklumat ini kepada semua murid," kata Ramli kepada Cikgu Tham.
- A. menyampai
B. sampai
C. menyampaikan
D. yampaikan
12. "_____, besarnya rumah kamu!" kata Peter kepada Louis.
- A. Aduh
B. Cis
C. Oh
D. Wah
13. SieMeng membantu ayahnya mencuci kereta _____ menunggu kakaknya.
- A. sementara
B. dan
C. kerana
D. atau

Soalan 14 dan 15

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

14. Lantai itu bersih kerana disapu oleh kakak.
- A. Lantai disapu kakak itu menjadi bersih.
B. Kakak menyapu lantai itu hingga bersih.
C. Lantai baru yang bersih itu telah dibasuh oleh kakak.
D. Kakak menyapu lantai yang bersih itu sehingga kotor semula.

15. Puan Laila melarang Jamal membuat bising.
- A. "Ibu membenarkan Jamal membuat bising," kata Jamal.
 - B. "Ibu mahu kamu membuat bising," kata Puan Laila.
 - C. "Jamal, sila buat bising," kata Puan Laila.
 - D. "Jangan buat bising Jamal," kata Puan Laila kepada Jamal.

Soalan 16

Pilih ayat yang betul.

16. A. Jonathan mengemas beg sekolahnya dengan tajam.
B. Ayah memandu kereta dengan kuat kerana ingin melawat ibu di hospital.
C. Murid-murid 4 Cempaka sangat manis apabila membuat bising.
D. Masakan ibu sungguh sedap sehingga Aini menjilat jari.

Soalan 17 hingga Soalan 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Penyakit taun atau kolera merupakan jangkitan pada saluran penghadaman yang disebabkan oleh bakteria *vibrio cholera*. Penyebaran bakteria ini biasanya berlaku melalui air minuman dan makanan yang dicemari oleh najis dan produk sisa.

Symptom penyakit ini termasuklah cirit-birit, kekejangan perut, mual, muntah, kekeringan kulit, dehidrasi dan kelesuan badan. Rawatan utama penyakit taun adalah dengan menjalani terapi hidrasi oral dan mengambil antibiotik.

Penyakit taun dapat dicegah melalui amalan membasuh tangan dengan menggunakan sabun dan air selepas ke tandas dan sebelum menyediakan makanan, menjaga kebersihan dan sistem pembuangan najis. Selain itu, elakkan makan sayur mentah, hanya makan makanan yang telah dimasak dengan sempurna ataupun masih panas dan minum air yang telah dimasak atau yang telah dibotolkan sahaja.

17. Apakah itu penyakit taun?
- A. jangkitan pada tangan
 - B. jangkitan pada saluran darah
 - C. jangkitan pada saluran penghadaman
 - D. jangkitan pada kulit
18. Semua yang berikut ialah simpton penyakit taun, kecuali
- A. Kelesuan badan
 - B. Cirit-birit
 - C. Demam
 - D. Kekejangan perut

19. Mengapakah perlu elakkan pemakanan sayuran mentah?

- A. kerana kurang vitamin
- B. kerana kurang bersih
- C. kerana boleh kurang sedap
- D. kerana kurang bakteria

20. Pilih pernyataan yang tidak benar.

- A. Kolera merupakan jangkitan pada saluran penghadaman.
- B. Rawatan utama penyakit taun adalah dengan menjalani terapi hidrasi oral dan mengambil antibiotik.
- C. Penyakit taun dapat dicegah melalui amalan membasuh tangan dengan menggunakan sabun.
- D. Penyebaran bakteria ini biasanya berlaku melalui air minuman dan makanan yang tidak dicemari.

BAHAGIAN B (30 MARKAH)

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam dialog yang diberikan.

Encik Tuan Cik Datuk Datin Puan

Yusoff: Saya akan ke padang sekolah untuk membantu guru kelas saya, _____ Roshyam yang sedang membuat persiapan Hari Sukan hujung minggu ini.

Arryan: Siapakah tetamu jemputan pada Hari Sukan sekolah kita, Yusoff?

Yusoff: _____ Syed Adryann, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri yang akan merasmikan Hari Sukan, Isteri beliau, _____ Maimonnah turut akan mengiringi beliau.

Arryan: Siapakah pula yang akan menyampaikan hadiah?

Yusoff: Yang Dipertua PIBG, _____ Inspektor Jalal akan menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Arryan: Baiklah, jom kita bersama-sama pergi ke padang.

Soalan 22

- a. Tuliskan ayat tanya yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

Soalan:

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠
您可电邮至 30commy@gmail.com 或 PM 我们的 Facebook 专页: fb.com/sjkcmj

Jawapan:

Encik Dharmaraj dan Puan Sunita ialah pendorong kejayaan Mohan.

- b. Tuliskan dialog yang sesuai bagi watak di bawah



Jawapan:

- c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.



Nyatakan peribahasa yang bersesuaian berdasarkan gambar di atas.

Soalan 23

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Makanan seimbang merupakan makanan yang harus dimakan untuk memastikan tubuh badan kita berfungsi secara normal. Makanan seimbang biasanya mempunyai karbohidrat, vitamin dan protein. Makanan yang mempunyai karbohidrat dapat membekalkan tenaga kepada badan kita. Contoh makanan berkarbohidrat ialah beras, roti, ubi kentang, biji-bijian dan kekacang.

Vitamin pula dapat mencegah penyakit dalam badan kita. Contohnya makanan yang mempunyai kandungan vitamin yang tinggi ialah sayur-sayuran seperti sawi, bayam, kangkung dan sebagainya. Kita juga boleh mendapatkan sumber vitamin daripada buah-buahan seperti buah epal, limau, anggur dan lain-lain. Kita perlu makan makanan yang mengandungi vitamin dalam kuantiti yang banyak.

Selain itu, protein juga penting kepada tubuh kita. Fungsi protein ialah memperbaiki tisu yang rosak di dalam badan kita. Contoh makanan yang membekalkan protein kepada kita ialah ikan, daging, udang, susu, keju dan lain-lain. Kita perlu makan makanan yang mengandungi protein dalam jumlah yang sederhana.

- a. Makanan seimbang mempunyai _____.
- b. Apakah fungsi protein kepada badan kita?

_____.

- c. Padankan pernyataan dibawah ini berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Contoh makanan berkarbohidrat ialah beras, roti, ubi kentang, biji-bijian dan kekacang

Karbohidrat, protein dan vitamin sangat penting untuk memastikan tubuh badan berfungsi secara normal.

Kita perlu makan makanan berprotein dan bervitamin dalam kuantiti yang banyak.

Vitamin membantu memperbaiki tisu badan yang rosak.

betul

salah

Soalan 24

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bersukan merupakan satu daripada *kegiatan* yang penting dalam kehidupan kita. Jika kita rajin bersukan, hasilnya badan kita akan sihat. Jika kita tidak bersukan, kita akan mudah dijangkiti oleh pelbagai jenis penyakit.

Berbagai-bagai jenis sukan dapat kita sertai. Antara kegiatan sukan ialah olahraga, renang, futsal, bola jaring, badminton, berjoging, berjalan dan sebagainya. Tubuh badan kita akan menjadi cergas dan kuat apabila kita suka bersukan.

Pada zaman siber yang serba moden ini, banyak kemudahan telah tersedia. Hal ini mengakibatkan manusia semakin malas untuk bersukan. Sikap ini akan memudaratkan diri kita sendiri.

Menerusi kegiatan sukan juga kita dapat menyemai sifat-sifat yang mulia seperti sabar, bekerjasama, bertolak ansur dan semangat ingin berjaya. Malah, dengan bersukan juga dapat mewujudkan keharmonian dan perpaduan antara masyarakat yang berbilang kaum di negara kita.

Selain itu, bersukan juga dapat menghindari diri kita daripada terjebak dalam gejala yang tidak sihat seperti mencuri, melepak dan menagih dadah. Gejala sosial seperti inilah yang akan merosakkan diri kita terutamanya muda-mudi.

Oleh itu, kita hendaklah menjadikan sukan sebagai satu daripada kegiatan harian kita. Dengan bersukan, kita akan memperoleh kehidupan yang sihat dan sejahtera. Apabila badan kita sihat, otak juga akan menjadi cerdas.

- a. Perkataan *kegiatan* dalam petikan boleh juga digantikan dengan perkataan

_____.

- b. Bagaimanakah keadaan tubuh badan apabila kita suka bersukan?

- c. Apakah sifat-sifat yang dapat disemai melalui bersukan?

- d. Adakah bersukan mewujudkan keharmonian dan perpaduan antara masyarakat yang berbilang kaum di negara kita? Mengapa?

Soalan 25

Baca ucapan di bawah ini, kemudian jawab soalan- soalan yang berikutnya.

Yang Dihormati Tuan Pengacara Majlis, Guru Besar, guru-guru dan rakan-rakan sekalian. Pada hari ini, saya selaku ketua murid di sekolah ini telah diberikan peluang untuk mentampakan ucapan sempena sambutan Hari Guru.

Guru-guru dan rakan-rakan yang dikasihi,

Setiap tahun, kita akan meraikan perayaan Hari Guru. Tujuannya adalah untuk menghargai jasa para guru yang telah bertungkus-lumus mengajar dan mendidik kita sehingga menjadi insan yang berguna.

Guru-guru merupakan insan yang mulia. Tanpa mereka kita pasti tidak tahu membaca dan menulis. Tanpa mereka juga pastinya hidup kita akan diselubungi kegelapan. Mereka sungguh mengambil berat tentang anak-anak murid, membantu dan membimbing tanpa mengenal penat-lelah.

Rakan-rakan yang dihormati,

Oleh itu, kita sewajarnya menghargai jasa dan pengorbanan para guru. Seharusnya kita mendengar kata-kata dan nasihat para guru yang ingin menjadikan kita sebagai manusia yang berguna.

Sekali lagi, saya ingin menegaskan bahwa guru ialah jantung kita. Tanpa jantung, pasti jasad kita tidak akan bernyawa. Begitulah perumpamaan jasa seorang guru. Kami juga merakamkan ribuan terima kasih atas pengorbanan yang telah dicurahkan kepada kami.

Sekian, terima kasih.

- a. Ucapan ini disampaikan oleh _____.
- b. Apakah tujuan kita meraikan perayaan Hari Guru?

- c. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berdasarkan ucapan ini.

Guru-guru sungguh mengambil berat tentang anak-anak murid, membantu dan membimbing dengan mengeluh setiap hari.	
Kita perlu berterima kasih kepada guru-guru yang bertungkus-lumus mengajar dan mendidik kita sehingga menjadi insan yang berguna.	

- d. Adakah kamu menghargai jasa guru kamu? Bagaimana caranya?
